



كوفرايسى فطاوى كرايسى نبرى مزرع وراز الوساو برحمه
**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN BERHAD**

JAWATAN KOSONG PEMBANTU TADBIR STESEN MINYAK PETRONAS

Kami merupakan sebuah koperasi yang terlibat di dalam aktiviti pembiayaan kredit dan serbaguna. Kami mempelawa calon yang berkelayakan, berpengalaman dan berintegriti untuk mengisi jawatan **Pembantu Tadbir Stesen Minyak**

TANGGUNGJAWAB UTAMA:

1. Mengurus rekod akaun harian (jualan minyak & Kedai Mesra)
2. Menyediakan laporan kewangan harian/mingguan
3. Mengendalikan invois, bayaran pembekal & resit
4. Mengemaskini data dalam sistem perakaunan
5. Membantu urusan pentadbiran pejabat
6. Berurusan dengan bank & audit dalaman

KELAYAKAN /SYARAT:

1. Warganegara Malaysia
2. Diploma dalam Perakaunan atau bidang yang setaraf dengannya
3. Minimum 2–3 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan/pengurusan (pengalaman dalam perniagaan stesen minyak/runcit adalah kelebihan)
4. Kemahiran komunikasi yang baik, bertanggungjawab dan amanah

GAJI DAN FAEDAH:

1. Gaji pokok : RM1,900.00 – RM3,100 sebulan
2. Elaun dan kemudahan lain: KWSP, SOCSO, elaun dan tuntutan perjalanan, elaun telefon, khairiat kematian, kemudahan pembiayaan, rawatan perubatan dan bonus tahunan (tertakluk kepada prestasi)

JUMLAH KEKOSONGAN : 1 Kekosongan (Lelaki/Perempuan)

Calon-calon yang berminat dipelawa untuk mengisi borang dan butir-butir peribadi yang lengkap mengenai kelayakan dan pengalaman, **salinan sijil akademik dan transkrip yang disahkan, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sekeping gambar terbaru berukuran passport serta nombor telefon yang boleh dihubungi**. Borang boleh diambil di pejabat Koperasi seperti alamat di bawah.

Semua permohonan yang lengkap berserta lampiran hendaklah sampai ke alamat berikut atau email kepada hr@kopkedah.com.my pada atau sebelum: **28 April 2026**

Tuan Setiausaha
Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad
No.2 & 4, Taman Koperasi Kedah, Jalan Tun Razak
05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman